

ASEAN beri kata dua, henti segala bentuk penindasan dan kezaliman

Myanmar mesti patuh

KUALA LUMPUR: ASEAN memberi amaran keras kepada junta Myanmar supaya segera menghentikan segala bentuk penindasan dan kezaliman terhadap rakyat negara itu selaras tuntutan Konsensus Lima Perkara

(5PC) yang dipersetujui blok serantau berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sekiranya pihak junta mematuhi gesaan tersebut, ASEAN bersedia menyalurkan bantuan kemanusiaan

kepada mangsa bencana gempa bumi yang baru-baru ini melanda wilayah Sagaing, Myanmar.

“Susulan kejadian gempa bumi baru-baru ini, ketika saya bertemu beliau (Ketua junta, Jeneral Kanan Min Aung Hlaing) di

Bangkok, saya tegaskan komitmen ASEAN menyalurkan semua bantuan kemanusiaan yang diperlukan, tertakluk kepada dua syarat.

“Pertama, gencatan senjata dilaksanakan segera dan kedua,

bantuan kemanusiaan, termasuk hospital medan dan petugas perubatan kami di Myanmar, dibiarkan akses penuh tanpa halangan,” katanya.

Bersambung di muka 2



ANWAR Ibrahim ketika mempongrosikan Majlis Sidang Kemuncak Asia Timur ke-20 sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam. - UTUSAN/ISKANDAR ISHAK

Myanmar mesti patuh

Dari muka 1

Anwar berkata demikian dalam ucapan pembukaan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) ke-20 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini semalam.

Anwar bagaimanapun memuji Aung Hlaing bersetuju dengan perkara ini dan sepanjang setahun lalu, sedikit kemajuan mengenainya dapat disaksikan walaupun terdapat aduan mengenai beberapa kejadian tembakan.

Krisis Myanmar terus berlarutan sejak tentera menggulingkan kerajaan sah Kerajaan Perpaduan Nasional (NUG) pada 1 Februari 2021, sehingga menyebabkan ribuan nyawa terkorban dan jutaan rakyat menjadi pelarian.

Susulan itu, pemimpin ASEAN sebelum ini mengadakan mesyuarat tergepar dan menerima pakai Konsensus Lima Perkara yang antara lain menuntut penghentian segera keganasan, rundingan politik inklusif dan pemberian akses bantuan kemanusiaan kepada rakyat Myanmar.

Sebelum ini, Menteri Luar ASEAN dalam kenyataan kelmarin, menggesa Myanmar untuk menghentikan keganasan dan mengadakan dialog politik inklusif sebelum pilihan raya pada Disember ini.

Ia demi memastikan proses demokrasi berjalan secara bebas, adil serta mematuhi Konsensus Lima Perkara.

Menurut kenyataan itu, ASEAN mengambil maklum rancangan Myanmar untuk mengadakan pilihan raya umum dan jemputan yang telah diberikan kepada negara anggota ASEAN untuk menghantar pemerhati pilihan raya.

Katanya, ASEAN menekankan kepentingan agar pilihan raya perlu dijalankan secara bebas, adil, aman, telus, inklusif dan berwibawa.

“Kami menyeru pengukuhan kerjasama antara anggota ASEAN dan rakan luar termasuk negara jiran Myanmar dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan tujuan menyokong usaha menangani krisis di Myanmar.

“Kami juga menyeru Myanmar untuk memerangi jenayah

rentas sempadan yang berpunca daripada konflik tersebut, termasuk pemerdagangan manusia, pengedaran dadah, perpindahan penduduk, ancaman siber, penipuan dalam talian, dan risiko keselamatan lain,” katanya.

Setakat ini, Myanmar kekal sebagai anggota ASEAN, namun pemimpin junta tidak dibenarkan menyertai mana-mana mesyuarat blok itu sejak rampasan kuasa pada 2021.

Sementara itu, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres pada sidang akhbar sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 di sini, semalam berkata, junta tentera Myanmar perlu dipertanggungjawabkan sepenuhnya terhadap konflik ketenteraan yang masih berlarutan tanpa sebarang penyelesaian, berikutan secara prinsip, PBB tidak boleh mencampuri urusan dalaman sesebuah negara.

Beliau turut menggesa agar proses pilihan raya di Myanmar dijalankan secara adil dan bebas bagi memastikan kestabilan serta keamanan jangka panjang di negara berkenaan.